

Imbas Pembelajaran

Latihan – Lengkapi Kata Ganda Berentak di bawah ini.

gelita	mayur	pukang	pauk	manda
mueh	warni	bukau	kontang	ratus

1.	lintang -	6.	lauk -
2.	mandi -	7.	warna -
3.	kuih -	8.	rempah -
4.	bukit -	9.	sayur -
5.	gelap -	10.	kering -

KATA GANDA

Kata ganda ialah kata yang terbentuk daripada kata yang digandakan sama ada sebahagian atau keseluruhannya

Kata ganda terdiri daripada:

1. Kata ganda penuh
2. Kata ganda separa
3. Kata ganda berentak / berirama
4. Kata ganda berimbuhan

Kata Ganda Berentak/Berirama

- Persamaan bunyi, sama ada di hujung atau di pangkal.
- Persetuaian bunyi dengan penambahan kata yang berbeza daripada kata dasarnya.

Contoh kata ganda berentak yang mengalami **persamaan bunyi di hujung** ialah **hingar-bingar, kuih-muih, lauk-pauk** dan sebagainya.

Contoh kata ganda berentak yang mengalami **persamaan bunyi di pangkal** ialah **batu-batan, lalu-lalang, licin-licau**, dan sebagainya.